



PRN Sabah

Kuasa di Tangan Rakyat

SECARA prinsipnya, pilihan raya semula merupakan langkah terbaik untuk menyelesaikan kemelut politik, baik di Sabah mahupun pada peringkat persekutuan. Hal ini, selaras dengan menjunjung nilai demokrasi berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia.

Begitu pun, mengambil kira negara kita sedang bergelut dengan penularan pandemik COVID-19, adakah keputusan mengadakan pilihan raya merupakan keputusan yang paling tepat? Jika jawapannya tidak, pasti akan ada yang berpendapat bahawa pandemik COVID-19 hanyalah satu alasan pincang (*lame excuse*) untuk tidak mengadakan pilihan raya, walhal Singapura baru sahaja selesai mengadakan pilihan raya, malah di negara kita, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga berjaya mengadakan Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Chini, Pahang.

Mengambil kira apa-apa yang berlaku di Sabah, mungkin ada juga yang tertanya-tanya, mengapakah pada 12 Mei 2018, Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal berjaya mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah, tetapi pada kali ini, iaitu pada 30 Julai lalu, dalam kes Tan Sri Datuk Seri Panglima Musa Aman, keputusannya berbeza apabila menyaksikan Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan.

Bagi yang kurang mengenali politik Sabah, Perlembagaan Negeri Sabah mempunyai peruntukan yang membolehkan parti yang memerintah melantik enam Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lantikan. Shafie sudah melantik lima daripada enam kuota tersebut. Hal ini bermaksud, jumlah keseluruhan ADUN dilantik yang ada di Sabah pada masa ini adalah sebanyak 65 orang (jumlah 33 merupakan majoriti mudah kepada 65). Apa-apa yang menarik di sini ialah tidak semestinya mereka yang dilantik wajib dilahirkan di Sabah, sebaliknya sesiapa sahaja yang dinaturalisasikan sebagai rakyat Sabah layak diberikan jawatan ADUN dilantik.

Timbul juga persoalan, adakah Musa akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri dengan menunjukkan akuan bersumpah (SD) sahaja kerana dalam Perlembagaan Negeri Sabah

seolah-olah terdapat dua cara, iaitu Ketua Menteri perlu meletak jawatan mahupun membawa undi tidak percaya. Pelantikan Shafie sendiri sebagai Ketua Menteri Sabah selama ini masih dipertikaikan kerana dikatakan bahawa pelantikannya tidak mematuhi Perlembagaan Negeri Sabah, malah hingga kini, Musa masih mencabar siapakah Ketua Menteri Sabah yang sah di Mahkamah Persekutuan?

Terdahulu, pada hari sebelumnya, iaitu pada 29 Julai lalu, Musa melakukan kejutan dengan mengadakan sidang media di kediamannya dan mengumumkan bahawa beliau mempunyai majoriti mudah untuk mengambil alih Kerajaan Sabah. Dalam kenyataan tersebut, beliau turut menyatakan bahawa Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Mohd Nardin Awang, telah membuat kunjungan hormat kepada Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Johar Mahiruddin.

Ketika makalah ini ditulis, rata-rata parti politik di Sabah sedang sibuk menyiapkan jentera bagi menghadapi pilihan raya. Lobi-melobi calon sedang hangat berlaku dan hal itu amat menarik untuk dinantikan. Apa-apa yang pasti, agak sukar untuk menyaksikan pertandingan satu lawan satu kerana terlalu banyak parti politik di Sabah (terbanyak di Malaysia) yang rata-rata sudah meluahkan hasrat mereka untuk bertanding.

Bagi kebanyakan penganalisis politik, apa-apa yang berlaku di Sabah seperti sudah dijangkakan – Shafie tidak mungkin akan begitu mudah menyerahkan jawatan Ketua Menteri yang disandangnya kepada parti lawan, lebih-lebih lagi yang menuntutnya ialah Musa. Pemangku Pengerusi SPR, Dr. Azmi Sharom, pada 4 Ogos lalu menyatakan bahawa SPR akan tetap meneruskan persiapan untuk mengadakan Pilihan Raya Negeri

(PRN) Sabah, meskipun sedang menunggu keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu berhubung dengan saman oleh seorang peguam bersama-sama dengan dua orang ahli perniagaan di Sabah yang memberikan hujah bahawa pilihan raya tidak boleh diadakan pada ketika negara sedang bergelut dengan ancaman pandemik COVID-19 dan juga rayuan Musa berhubung dengan kes Ketua Menteri Sabah yang sah yang masih lagi dalam pertimbangan Mahkamah Persekutuan.

Namun begitu, Shafie yang juga Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN) yakin bahawa keputusan membubarkan DUN merupakan keputusan yang terbaik untuk rakyat Sabah. “Kita serahkan balik mandat kepada rakyat untuk menentukan siapakah yang layak membentuk kerajaan negeri yang baharu. Saya yakin, rakyat akan membuat keputusan yang bijak,” ujar Shafie.

Sementara itu, bagi UMNO Sabah, PRN bukanlah pilihan yang sewajarnya ketika pandemik COVID-19 masih melanda negara, namun hal itu merupakan penyelesaian terbaik dalam menangani kemelut politik di negeri itu. Pengerusi Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Sri Bung Moktar Radin, yakin bahawa pilihan raya itu juga akan membolehkan rakyat Sabah dapat memilih parti politik yang lebih dipercayai untuk memegang tampuk pemerintahan negeri.

“Rakyat Sabah sudah pernah memilih Barisan Nasional (BN) dan WARISAN sebelum ini, iaitu pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU), jadi kita serahkan semula kepada rakyat, parti manakah yang mereka lebih yakin serta percayai,” katanya kepada media tempatan.

Oleh itu, pada kempen PRN Sabah kali ini, sudah pasti isu “katak” dan politik wang akan menjadi topik panas. Tun Dr. Mahathir Mohamad turut menyuarakan kesediaannya untuk pergi ke Sabah bagi membantu WARISAN berkempen kerana bimbang akan

amalan rasuah dan sogokan dalam kalangan ADUN menyebabkan Shafie terpaksa membubarkan DUN.

Banyak persoalan menarik yang boleh dikupas di sini. Lebih-lebih lagi ada yang mengaitkan apa-apa yang berlaku sebelumnya, iaitu pembentukan Kerajaan WARISAN-Pakatan Harapan (PH)-Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) yang terbentuk pada 12 Mei 2018 juga merupakan kerajaan yang dibentuk hasil daripada ADUN yang melompat parti.

Semua pihak sedia maklum bahawa keputusan PRU ke-14 di Sabah menyaksikan BN memperoleh jumlah kerusi yang terikat sama, iaitu 29 kerusi dengan Warisan-PH. Kuasa ketigatiga blok politik yang melawan BN dan Warisan-PH, iaitu Gabungan Sabah (GS) berjaya memperoleh dua kerusi menerusi parti Parti Solidariti Rakyat Sabah (STAR). Hal ini, menjadikan dua orang ADUN STAR sebagai penentu yang membolehkan Musa mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah pada 10 Mei 2018. Malangnya, tindakan ADUN yang melompat parti menyebabkan Musa pula yang kehilangan majoriti mudah beliau.

Percaturan dan Strategi Menghadapi PRN Sabah

Ketika makalah ini ditulis, masih terlalu awal untuk menyatakan parti manakah yang mempunyai kelebihan di hati rakyat Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan sahaja rakyat Sabah terkejut dengan keputusan tersebut, malah parti komponen PH juga tidak menyangka akan berlakunya pembubaran DUN Sabah. Malah dikatakan bahawa ADUN WARISAN juga berpendapat bahawa keputusan yang dibuat oleh Shafie merupakan sesuatu yang di luar dugaan.

Maknanya, tidak mustahil banyak penyandang kerusi yang berkemungkinan besar akan dikekalkan sebagai calon di samping faktor kesuntukan masa yang turut

menyebabkan “orang lama” dikekalkan berbanding dengan “muka baharu” sebagai calon. Strategi ini bersandarkan kepada populariti individu yang tujuannya tidak lain tidak adalah untuk meraih undi.

Apa-apa yang pasti, BN dijangka akan berhadapan dengan cabaran getir, khususnya bagaimana parti itu terpaksa menampung beberapa penyandang yang meninggalkan parti sebelum ini daripada BN-Warisan-BN. Tidak hairanlah jika sebahagian daripada mereka awal-awal lagi telah meluahkan hasrat untuk mengundurkan diri daripada politik atau tidak bertanding, meskipun masih ada juga yang berhasrat untuk meneruskan perjuangan.

Kedua-dua belah pihak, sama ada WARISAN-UPKO mahupun UMNO-Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dijangka akan menghadapi isu pertindihan tuntutan kerusi. Begitu pun, isu ini dijangka akan diselesaikan dengan baik sesama mereka. Hal ini, tidak bermakna akan berlaku pertandingan satu lawan satu kerana pada kebiasaannya, dalam mana-mana pilihan raya tidak dapat tidak akan menyaksikan pertandingan banyak penjurur bukan disebabkan WARISAN-UPKO atau UMNO-PPBM gagal menyelesaikan pertindihan permintaan kerusi mereka, tetapi parti tempatan yang baharu, seperti Parti Cinta Sabah (PCS) dan Parti Gagasan Rakyat Sabah (PGRS) juga mempunyai calon yang ingin diketengahkan apatah lagi calon Bebas.

Sejak PRU ke-14 diadakan, sudah dua kali Sabah berhadapan dengan PRK, iaitu PRK Sandakan pada Mei 2019 dan PRK Kimanis pada Januari lalu, yang menyaksikan keputusan PRK tersebut berjaya dipertahankan oleh parti penyandang masing-masing. Kedua-dua PRK ini sudah pastinya memberikan iktibar kepada parti yang bertanding.

Oleh itu, PRN yang akan diadakan pada bila-bila masa (dalam tempoh 60 hari selepas DUN Sabah dibubarkan)

akan menyaksikan kebiasaan baharu daripada sebelumnya. Sudah pasti juga, media sosial menjadi amat penting dalam setiap kempen yang diadakan. Perang saraf dalam media sosial sudah pun bermula dan dijangka menjadi lebih drastik sebaik-baik sahaja SPR mengumumkan tarikh PRN diadakan.

Tumpuan selepas ini sudah pastinya kepada SPR dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tampil dengan Tatacara Operasi Standard (SOP) yang akan diguna pakai untuk menjamin keselamatan dan kesihatan orang ramai. Sudah pasti juga tiada sesiapa pun yang ingin melihat timbulnya kluster baharu ekor dari PRN Sabah.

Peraturan yang dikeluarkan mestilah jelas, antaranya adakah individu yang masih di bawah tempoh kuarantin 14 hari dibenarkan keluar mengundi? Bagaimana pula dengan penjarakan fizikal? Keprihatinan ibu bapa apabila sekolah dijadikan pusat mengundi juga perlu dipertimbangkan. Adakah perlu semua pengundi menandatangani borang persetujuan (*consent form*) bahawa mereka tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap SPR sekiranya mereka dijangkiti COVID-19 ketika menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi?

Pengalaman berharga SPR mengadakan PRK DUN Chini dengan lancar tanpa sebarang kes atau kluster baharu pastinya menjadi kayu ukur berharga untuk mengendalikan PRN Sabah. Apa-apa pun, DUN Sabah sudah dibubarkan, PRN Sabah pasti akan diadakan. Persoalannya, adakah rakyat Sabah sudah bersedia untuk memilih parti dan pemimpin yang benar-benar mereka inginkan – bebas rasuah, berintegriti dan mampu membela nasib rakyat yang masih diulit pelbagai kesan sosioekonomi akibat pandemik COVID-19?

Penulis ialah Penganalisis Politik dan Pensyarah di Universiti Malaysia Sabah.

KRONOLOGI PEMBUBARAN DUN SABAH

9 Mei 2018

- BN Sabah terikat jumlah kerusi dengan WARISAN dan rakan partinya daripada PH pada PRU ke-14 yang masing-masing memperoleh 29 kerusi daripada 60 kerusi DUN.
- Dua kerusi lagi dimenangi oleh parti STAR.

10 Mei 2018

- BN Sabah pimpinan Tan Sri Musa Aman mendapat sokongan dua ADUN STAR, sekali gus memperoleh majoriti mudah dengan 31 undi yang membolehkan BN membentuk kerajaan.
- Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan Dusun Murut Bersatu (UPKO) mengumumkan keluar BN. Namun begitu, ADUN UPKO seramai empat orang kekal menyokong Musa sebagai Ketua Menteri.
- Musa mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah.

11 Mei 2018

- Enam ADUN BN keluar BN dan menyertai WARISAN, sekali gus menyokong Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang juga Presiden WARISAN sebagai Ketua Menteri Sabah.
- ADUN UPKO seramai empat orang menyatakan sokongan kepada Shafie sebagai Ketua Menteri.

12 Mei 2018

- Shafie mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah, iaitu 48 jam selepas Musa mengangkat sumpah untuk jawatan itu.

13 Mei 2018

- Istana Negeri menyampaikan surat bagi memaklumkan kepada Musa bahawa beliau bukan lagi Ketua Menteri Sabah menerusi Setiausaha Sulitnya.

16 Mei 2018

- Shafie mengumumkan Kabinet Negeri Sabah dengan dua ADUN dilantik, iaitu Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Wilfred Madius Tangau, yang juga Presiden UPKO,

dan Ahli Parlimen Sandakan, Datuk Stephen Wong, yang merupakan Pengerusi DAP Sabah ketika itu.

17 Mei 2018

- Musa memfailkan writ memohon mahkamah mengisytiharkan beliau sebagai Ketua Menteri yang sah.

11 Jun 2018

- Setiausaha Agung WARISAN, Loretto Padua Jr dan Bendahari WARISAN, Terence Siambun dilantik sebagai ADUN dilantik.

18 September 2018

- Ketua Cabang PKR Libaran, Jaffari Waliham dilantik sebagai ADUN dilantik.

7 November 2018

- Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu memutuskan pelantikan Shafie sebagai Ketua Menteri baharu Sabah mengikut perlembagaan dan beliau merupakan Ketua Menteri yang sah.
- Peguam Musa berkata bahawa beliau akan merayu terhadap keputusan mahkamah itu.

17 Jun 2019

- Bendahari DAP Sabah, Ronnie Loh Ee Eng mengangkat sumpah sebagai ADUN dilantik menggantikan mendiang Datuk Stephen Wong yang meninggal dunia pada 28 Mac 2019.

28 November 2019

- Mahkamah Rayuan Kota Kinabalu menolak dengan kos, rayuan Musa terhadap penolakan samannya dalam mencabar kesahihan pelantikan Shafie sebagai Ketua Menteri Sabah yang sah.

15 Mei 2020

- ADUN blok Kerajaan Sabah diketuai Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau menyatakan sokongan penuh kepada kepimpinan Shafie untuk terus menerajui pentadbiran susulan khobar angin yang tular di media sosial yang mendakwa akan berlakunya perubahan Kerajaan Negeri pada Julai tahun ini.

11 Jun 2020

- Shafie mengadakan perjumpaan dengan ADUN dan Ahli Parlimen WARISAN serta sekutunya bagi membincangkan senario semasa politik tempatan dan menyatakan pendirian masing-masing untuk terus teguh bersama-sama parti.

15 Jun 2020

- Dua ADUN blok Kerajaan Sabah daripada UPKO, iaitu Datuk Limus Jury dan Datuk James Ratib mengumumkan keluar parti berkuat kuasa serta-merta dan menjadi ADUN bebas yang menyokong Pakatan Nasional.

21 Julai 2020

- Perbincangan politik di Sabah mengenai usaha menjatuhkan Kerajaan Negeri pimpinan WARISAN semakin hangat apabila Musa dikatakan memperoleh majoriti mudah dengan beberapa ADUN blok Kerajaan Negeri didakwa meninggalkan parti.

23 Julai 2020

- Arena politik Sabah kembali tenang apabila ADUN blok kerajaan menafikan keluar parti dan memberikan sokongan kepada Musa.

29 Julai 2020

- Musa mendakwa memperoleh majoriti mudah untuk membentuk Kerajaan Negeri baharu menerusi gabungan beberapa parti di negeri itu.

30 Julai 2020

- Shafie mengumumkan pembubaran DUN Sabah bagi memberikan laluan kepada PRN untuk diadakan dalam tempoh 60 hari. □

Sumber: BERNAMA